

# Saingan sengit abad 21

20 AUG 1992  
Malaysia perlu  
ubah strategi

Oleh Jailani Harun dan K Suthakar

GEORGETOWN, Jumaat — Perubahan ketara dalam senario geo-politik dunia mungkin menyebabkan kedudukan Malaysia dalam abad ke-21, tidak begitu selesa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata saingan modal dan pelaburan asing akan menjadi lebih sengit dengan wujudnya lokasi yang mungkin lebih bersaing di segi kos pengeluaran seperti di Vietnam, China dan negara Eropah Timur, Mexico dan Amerika Latin.

Berikutan perubahan itu, katanya, Malaysia harus memikirkan strategi dan pendekatan baru untuk menarik pelaburan asing.

Dr Mahathir berkata dalam abad itu, kedudukan negara dalam sektor perkilangan tidak begitu selesa, berikutan robohnya Tembok Berlin, berpecahnya Soviet Union serta beberapa negara dalam pakatan Warsaw.

Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan bangunan baru Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) kilang Robert Bosch di Zon Perdagangan Bebas, Bayan Lepas, dekat sini hari ini.

Oleh itu, katanya, strategi dan pendekatan baru

perlu difikirkan untuk pelaburan asing, yang tidak dapat dinafikan berfungsi dalam proses pembangunan ekonomi Malaysia.

"Perkataan 'networking' dan 'symbiotic relationship' kini kerap dengarannya yang pada dasarnya ialah kerjasama yang lebih bermakna, lebih berfokus dan membawa implikasi perlunya wujud tahap input teknologi sistem, P&P dan Pembangunan Sumber Manusia," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap agensi kerajaan, seperti Sirim dan Mimos serta syarikat tempatan melipatgandakan usaha mereka dalam P&P agar dapat memenuhi kehendak negara pada abad ke-21.

Kilang Robert Bosch yang mengeluarkan pelbagai produk, termasuk sistem stereo kereta yang digunakan oleh Proton, membelanjakan \$5 juta untuk membina Pusat P&P itu.

Perdana Menteri berkata, untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, negara perlu menumpukan perhatian yang lebih kepada aspek teknologi, sistem P&P dan Pembangunan Sumber Manusia.

Katanya, sebagai negara pengimport tekno-

logi, Malaysia memerlukan saluran yang berkesan bagi tujuan pemindahan teknologi.

"Jika proses pemindahan ini berkesan, kemungkinan kita dapat mengurangkan jurang teknologi yang kini wujud di antara Malaysia dan negara maju," katanya.

Beliau berkata, Malaysia berjaya menduduki tahap kemakmuran yang ada sekarang berasaskan pelbagai faktor yang kombinasinya memberikan banyak kelebihan sehingga menarik pelabur asing dari seluruh dunia ke sini.

Bagaimanapun, kata beliau, dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju dengan sektor perkilangan sebagai jentera penggerak utama, Malaysia harus sentiasa mengikut perkembangan dan sofistikasi dunia.

Mengenai Robert Bosch, Dr Mahathir berkata, syarikat itu yang menjadi sepuluh syarikat terbesar di Jerman, memiliki budaya korporat yang matang.

Hakikat itu, katanya, jelas memandangkan peruntukan untuk P&P bagi Kumpulan Robert Bosch bagi tahun lalu adalah \$3.4 bilion bersama 6.38 peratus jumlah nilai jualan keseluruhannya.